

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR**
[TUMPAT]

TARIKH : **19 MEI 2016**

SOALAN : **Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]**
minta **MENTERI LUAR NEGERI**
menyatakan apakah pencapaian usaha-usaha damai di selatan Thailand hasil kerjasama Kerajaan Malaysia dan Thailand.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tumpat di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Malaysia amat berbesar hati kerana telah diberi kepercayaan untuk dilantik sebagai Fasilitator dalam Proses Damai di Selatan Thailand. Kepercayaan dan penerimaan peranan Malaysia telah turut ditegaskan oleh Perdana Menteri Thailand sendiri di mana beliau menyatakan bahawa Malaysia adalah satu-satunya fasilitator kepada proses damai tersebut.

3. Malaysia percaya bahawa asas yang penting kepada proses rundingan damai ini adalah untuk mendapatkan kepercayaan dan keyakinan penduduk Selatan Thailand terhadap proses damai tersebut, khususnya jaminan bahawa kumpulan-kumpulan berkenaan bebas dari ancaman tindakan ketenteraan dan tangkapan oleh Kerajaan Thailand. Ini adalah penting agar semua pihak merasa selamat dan selesa untuk tampil ke meja rundingan tanpa rasa terancam. Ia juga adalah satu usaha yang perlu dilaksanakan dengan hati-hati dan bijaksana.

4. Sehubungan ini, Malaysia sebagai fasilitator kepada proses damai tersebut akan terus komited dan bersedia untuk meneruskan proses konsultasi dengan pihak-pihak yang berkenaan di Selatan Thailand dan juga pihak kerajaan Thailand.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Saya juga ingin menekankan bahawa Kerajaan Malaysia juga akan terus komited untuk membantu dalam program bina upaya kepada masyarakat Islam di Selatan Thailand terutamanya dalam bidang pendidikan, latihan vokasional dan keusahawanan. Program-program ini dilaksanakan terutamanya melalui mekanisme dua hala sedia ada khususnya melalui Jawatankuasa, dengan izin, *Joint Development Strategy for Border Areas* (JDS). Ianya dilaksanakan melalui inisiatif 3E (Education, Entrepreneurship and Employment).
6. Malaysia juga akan terus bekerjasama dengan masyarakat antarabangsa termasuk Persidangan Negara Islam (OIC) dalam mencari penyelesaian yang sebaiknya ke arah keamanan, kestabilan dan kemakmuran di Wilayah Selatan Thailand tersebut. Pendekatan yang diambil Malaysia adalah dengan mengambil kira kedaulatan Wilayah Thailand dan juga kepentingan Masyarakat Islam Selatan Thai. Kerajaan Malaysia sedar keamanan dan kestabilan Wilayah Selatan Thailand akan turut menyumbang kepada kemakmuran kepada Malaysia khususnya masyarakat di kawasan sempadan.

Sekian, terima kasih.